



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang memiliki keterampilan baik, semangat yang tinggi untuk bekerja secara berpasukan, bakat kepimpinan, ciri-ciri jati diri yang cemerlang dan kelayakan profesionalisme yang bersesuaian bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

Ruj. Kami : Bil (62) MPM.JKP.500-1/4/2 JLD.11

JAWATAN	:	PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N5
KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN/KUASA TEMPATAN	:	MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
JADUAL GAJI (MIN – MAKS)	:	RM1,650.00 – RM6,620.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM 145.00
SYARAT LANTIKAN	:	<p>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:</p> <p>(a)</p> <ul style="list-style-type: none">i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atauii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atauiii. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atauiv. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00).

BILANGAN KEKOSONGAN DAN TARAF JAWATAN	: 1 KEKOSONGAN DI JABATAN PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN SOSIAL KONTRAK (<i>CONTRACT OF SERVICE</i>)
PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN	: Rujuk Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Pekeliling Bil.1/2024
FUNGSI BIDANG TUGAS	<p>BAHAGIAN PELANCONGAN DAN ACARA</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bertanggungjawab dalam merancang, menguruskan dan melaksanakan serta memastikan semua aktiviti dan acara Bahagian Pelancongan dan Acara sepanjang tahun. • Bertanggungjawab menyediakan kalendar pelancongan jabatan sepanjang tahun dan melaksanakan acara tahunan pelancongan daerah Manjung mengikut kalendar pelancongan tahunan yang ditetapkan. • Bertanggungjawab mendapatkan maklumat dan mengemaskini semua data statistik pelancongan sepanjang tahun. • Bertanggungjawab melaksanakan hebahan dan promosi produk pelancongan melalui semua media sosial di daerah Manjung. • Bertanggungjawab menghadiri / mewakili semua mesyuarat/program melibatkan pelancongan di peringkat Majlis, Daerah dan Negeri. • Bertanggungjawab melaksanakan dan menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan, Sukan dan Kebudayaan 4 kali setahun. • Bertanggungjawab mengendali atau bekerjasama dengan semua pihak yang berkepentingan terhadap semua program rasmi Majlis, program peringkat daerah, negeri dan persekutuan.

- Bertanggungjawab melaksanakan ‘engagement’ dengan semua pemain industri pelancongan di daerah Manjung.
- Bertanggungjawab melaksanakan audit produk dan kajian produk baru pelancongan di daerah Manjung.
- Bertanggungjawab ke atas semua pengurusan dan kutipan produk pelancongan di bawah penyelarasan Majlis.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.**

**KEUTAMAAN KEPERLUAN
BIDANG**

- :
- **DIPLOMA SAINS SOSIAL KEMASYARAKATAN**
 - **DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN**
 - **DIPLOMA SAINS SUKAN**
 - **DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

KEUTAMAAN kepada calon yang mempunyai pengalaman luas dan kemahiran tinggi dalam bidang utama pengurusan pelancongan melibatkan skop pelaksanaan acara / program, pengetahuan yang mendalam berkaitan industri pelancongan dan mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang sosial dan multimedia serta kemahiran komunikasi yang baik dan berkesan. Selain itu, calon yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang meluas dalam bidang sosial kemasyarakatan serta pengurusan sukan adalah digalakkan.

TARIKH TUTUP IKLAN

: **30 JUN 2025**

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi dalam talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di www.mpm.gov.my dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>.

CATATAN AM

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/temu duga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian/temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian/temu duga:
 - (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
 - (ii) Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini
 - (iii) Surat Perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong/tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.



**(MUHAMMAD FAIZAL SHAH BIN SAFIAN SURI) PMP, AMP
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**

TARIKH : 19 JUN 2025 / NO FAIL : MPM.(JKP)500-1/4/2 JLD.11